

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

PENGUNAAN KAEDAH NYANYIAN DALAM PENGUNAAN SIFIR DARAB 6 HINGGA 8 MURID TAHUN TIGA: REFLEKSI PEMBELAJARAN PENGUNAAN TEKNIK MENGANALISIS DATA

Oleh

Goh Min Lee
minlee3288@hotmail.my

ABSTRAK

Artikel ini secara umumnya menjelaskan teknik menganalisis data yang telah digunakan dalam penyelidikan tindakan saya, iaitu "Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga". Penyelidikan tindakan ini bertujuan meningkatkan daya ingatan tiga orang murid Tahun Tiga dalam menguasai sifir darab 6, 7 dan 8 di samping menambah baik amalan pengajaran saya. Teknik menganalisis data yang digunakan dalam penyelidikan tindakan ini ialah analisis kandungan, analisis pola dan analisis dilema. Penyelidikan tindakan ini telah dilaksanakan sebanyak tiga kitaran dalam masa dua bulan. Data telah dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data yang dianalisis kemudian dipaparkan dalam bentuk jadual. Untuk kajian akan datang, saya ingin mendalami lagi analisis dilema untuk menjadikan kajian saya lebih jitu.

Kata kunci: Analisis kandungan, analisis pola, analisis dilema, sifir darab 6, 7 dan 8, kaedah nyanyian

ABSTRACT

This article generally describes the data analysis techniques that I have used in my action research titled "Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga". The purpose of this research was to improve three Year Three pupils' memory in mastering multiplication tables 6, 7 and 8 other than improving my teaching practices. The data analysis techniques used were content analysis, pattern analysis and dilemma analysis. This action research was implemented in three cycles within two months. Data was collected through observation, interviews and document analysis. The analyzed data was then presented in table form. For my next action research, I would like to go in-depth into dilemma analysis to enhance further my findings.

Keywords: Content analysis, pattern, dilemma analysis, multiplication tables 6, 7 and 8, singing method


PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan

Saya telah menjalani praktikum Fasa III di sebuah sekolah yang terletak di bandar raya Kuching, iaitu SK Jambu (nama samaran) selama tiga bulan. Sebelum itu, saya telah menjalani praktikum Fasa I di SK Tebu (nama samaran) dan Fasa II di SK Sawi (nama samaran). Semasa praktikum Fasa III, saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Matematik bagi kelas Tahun 3 Merah yang terdiri daripada 41 orang murid. Kebanyakan murid daripada kelas Tahun 3 Merah merupakan murid bumiputera yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan masih kurang kesedaran tentang kepentingan pelajaran. Melalui pemerhatian saya, 30 daripada 41 orang murid Tahun 3 Merah menghadapi masalah dalam menghafal sifir darab 6 hingga 8 dengan menggunakan kaedah jari (penambahan berulang).

Sebagai guru Matematik mereka, saya bertanggungjawab untuk menarik minat mereka terhadap tajuk pendaraban. Oleh itu, saya telah membuat keputusan untuk menggunakan kaedah nyanyian dalam menggalakkan mereka menghafal sifir darab 6 hingga 8 di samping menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran (P&P) saya dalam tajuk "Pendaraban".

Semasa menjalankan praktikum Fasa III di SK Jambu, saya telah memulakan pengajaran saya dengan topik "Darab dalam 1000". Selepas mengajar selama dua minggu, saya mendapati bahawa 30 daripada 41 orang murid saya mengalami masalah dalam menghafal sifir darab 6 hingga 8. Mereka lebih biasa dengan menggunakan kaedah jari semasa menghafal sifir dan mereka tidak dapat memberi jawapan secara spontan. Terdapat juga murid yang menghadapi masalah untuk menggunakan kaedah jari untuk mendapat hasil darab sifir. Kesilapan ini jelas kelihatan apabila terdapat tiga orang murid saya iaitu Ken, Alvin dan Ella (nama samaran) melakukan kesalahan dalam lembaran kerja sifir darab 8 pada 11 Februari 2011 seperti yang ditunjukkan oleh Ken pada Rajah 1.




Rajah 1. Hasil lembaran kerja Ken pada 11 Februari 2011.

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Ken menghadapi masalah dalam operasi tambah. Jawapan-jawapan yang diberi olehnya di bahagian kanan kertas soalan adalah salah. Dengan ini, jawapan akhirnya juga salah. Selain itu, Ken telah menggunakan operasi menolak untuk menyelesaikan soalan 1, iaitu " 8×8 ". Dia telah menolakkan "8" daripada "8" dan mendapat jawapan "0" manakala dia telah menggunakan operasi menambah dalam soalan ketiga, iaitu " 7×8 ". Dia menambahkan "7" dan "8" dan akhirnya mendapat "15" sebagai jawapannya. Ini menunjukkan Ken kurang mempunyai pengetahuan asas bagi menyelesaikan soalan pendaraban.

Rajah 2 menunjukkan hasil lembaran kerja Alvin pada 15 Februari 2011.



Rajah 2. Hasil lembaran kerja Alvin pada 15 Februari 2011.

Alvin didapati boleh menghafal sifir darab 9, tetapi menghadapi masalah dalam soalan pendaraban yang melibatkan sifir darab 6, 7 dan 8. Berdasarkan jawapan yang diberikan, didapati bahawa Alvin telah menggunakan operasi menambah untuk menyelesaikan soalan tersebut. Kaedah penambahan berulang telah mengelirukan Alvin dengan simbol darab dan tambah. Misalnya, bagi soalan " 4×8 ", Alvin telah menambahkan 4 dan 8 dan mendapat 12 sebagai jawapannya.

Rajah 3 menunjukkan hasil lembaran kerja Ella pada 15 Februari 2011.



Rajah 3. Hasil lembaran kerja Ella pada 15 Februari 2011.

Ella juga dapat menyelesaikan masalah pendaraban yang melibatkan sifir darab 9 tetapi dia menghadapi masalah dalam sifir darab 6, 7 dan 8. Apabila meneliti jawapan yang diberi oleh Ella, saya mendapati bahawa

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

jawabannya adalah mendekati jawapan sebenar. Misalnya jawapan Ella bagi soalan " 6×5 " ialah "33" dan jawapan betul ialah "30". Ini bermakna Ella telah menghadapi masalah dalam menguasai kaedah jari bagi menyelesaikan soalan pendaraban. Selain itu, Ella telah memberi jawapan yang berbeza bagi soalan " 3×7 " dan " 7×3 " sedangkan jawapan bagi kedua-dua soalan ini adalah sama. Ini menunjukkan Ella kurang memahami konsep pendaraban.

Amalan kebiasaan saya dalam mengajar tajuk pendaraban, iaitu amalan kaedah jari didapati kurang berkesan terhadap tiga orang murid ini. "Bagaimanakah saya boleh menambah baik amalan saya supaya murid saya dapat berjaya menghafal sifir darab 6 hingga 8?" menjadi persoalan dalam hati saya. Kecerdasan muzikal yang diperkenalkan oleh Gardner (1983) telah memberi idea kepada saya untuk menarik minat tiga orang murid ini untuk menghafal sifir darab.

Objektif Penulisan Artikel

Artikel ini dihasilkan untuk mengimbas kembali teknik menganalisis data dalam kajian saya berkaitan dengan penggunaan kaedah nyanyian dalam membantu tiga orang murid Tahun 3 Merah, iaitu Alvin, Ken dan Ella menguasai sifir darab 6 hingga 8. Kajian ini juga bertujuan menambah baik amalan P&P saya sebagai seorang guru Matematik Tahun Tiga (Goh Min Lee, 2011a, 2011b).

TEKNIK MENGANALISIS DATA

Kaedah analisis kandungan, analisis dilema dan analisis pola telah digunakan dalam kajian ini. Saya menggunakan kaedah analisis kandungan dalam menganalisis lembaran kerja untuk mengenal pasti bilangan soalan yang dijawab dengan betul atau salah. Jadual 1 menunjukkan tahap penguasaan peserta penyelidikan terhadap sifir darab berdasarkan bilangan soalan yang betul dijawab.

Jadual 1.


Tahap Penguasaan Sifir Darab Beraneka

Bilangan soalan yang betul	Tahap
0	Sangat lemah
1 – 3	Lemah
4 – 6	Memuaskan
7 – 9	Baik
10	Cemerlang

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Selain itu, saya juga meneliti data-data yang diperolehi daripada lembaran kerja ketiga-tiga orang murid saya.

Rajah 4 menunjukkan contoh lembaran kerja yang dianalisis kandungan.



Rajah 4. Contoh lembaran kerja yang dianalisis kandungannya.

Saya telah membulatkan kesalahan Ken supaya saya boleh mengkaji sebab utama dia membuat kesalahan. Saya telah meminta Ken membuat semula soalan tersebut untuk menguji sama ada kesalahan dia adalah disebabkan oleh kecuaiannya dia atau benar-benar tidak dapat menguasai sifir darab tersebut.

Tahap penguasaan tiga orang peserta kemudian dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2.

Tahap Pencapaian Peserta Bagi Sifir Darab 6, 7 Dan 8

Nama Peserta	Bilangan soalan yang betul bagi sifir darab			Tahap penguasaan bagi sifir darab		
	6	7	8	6	7	8
Alvin	10	9	10	Cemerlang	Baik	Cemerlang
Ella	10	10	10	Cemerlang	Cemerlang	Cemerlang
Ken	10	9	10	Cemerlang	Baik	Cemerlang

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Berdasarkan Jadual 2, saya dapat menganalisis pola persamaan dan perbezaan antara tiga orang peserta kajian. Saya mengesan bahawa Alvin belum menguasai sifir darab 7 dengan sepenuhnya dan masih memerlukan perhatian yang lebih.

Ujian keseluruhan yang melibatkan sifir darab 6 hingga 8 pula dianalisis dari segi markah dan gred. Formula untuk mengira markah adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan soalan yang betul}}{15} \times 100\% =$$

Gred ditentukan berdasarkan markah yang dikira dan ini adalah berpandukan pada penentuan gred SK Jambu seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3.

Penentuan Gred dan Huraian Ujian Keseluruhan

Markah	Gred	Huraian
80 – 100	A	Cemerlang, sudah menguasai
60 – 79	B	Baik, boleh menguasai
40 – 59	C	Memuaskan, kurang menguasai
20 – 39	D	Lemah, menguasai dengan terhad
1 – 19	E	Sangat lemah, tidak menguasai

Berdasarkan Jadual 3, saya dapat mengenal pasti sejauh mana penggunaan kaedah nyanyian boleh membantu peserta untuk menguasai sifir darab 6, 7 dan 8. Keputusan pencapaian ini membolehkan saya merancang tindakan susulan yang seterusnya.

Analisis kandungan dibuat dengan menandakan perkara yang dianggap penting dalam catatan lapangan saya dan mengkategorikannya. Rajah 5 menunjukkan cara saya menanda perkara penting dan mengkategorikannya dalam catatan lapangan saya.

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Pemerhatian saya (perasaan, reaksi dan tingkah laku peserta):	
Apabila meminta mereka menyanyi dalam kumpulan, mereka tersenyum-senyum antara satu sama lain. Tetapi mereka semua dapat menyanyikan lagu sifir 6 tanpa merujuk kepada lirik lagu. Seterusnya mereka diminta menyanyi secara individu. Mereka kelihatan cemas dan malu. Perasaan malu boleh dilihat apabila mereka bertolak-tolak semasa meminta mereka menyanyi secara sukarela. Jadi, akhirnya saya memilih secara rawak. Ken dapat menyanyi lagu sifir 6 dengan lancar dan penuh keyakinan walaupun kawan-kawannya tersenyum-senyum di tepinya. Seterusnya diikuti oleh Ella. Dia asyik memandang ke arah lantai semasa menyanyi. Suara dia kecil tetapi dia boleh menyanyikan lagu dengan lancar dan tepat. Alvin juga berjaya menyanyikan lagu sifir 6 dengan lancar dan lantang. Saya berasa puas hati dengan percubaan mereka.	<p>Dapat hafal lirik lagu</p> <p>Yakin, Lancar</p>

Rajah 5. Cara menanda perkataan penting dan mengkategorikannya.

Saya telah membulatkan perkataan-perkataan berdasarkan kriteria secara spesifik dan seterusnya mengkategorikan perkara-perkara tersebut kepada beberapa jenis, misalnya, kategori “Dapat menghafalkan lirik lagu”. Bagi memudahkan saya, saya telah melabelkan bahagian data dengan nama kategori atau singkatan seperti DHL untuk kategori tersebut seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual 4.

Contoh Catatan Hasil Analisis Dalam Catatan Lapangan Pada 4 Mac 2011

Kategori	Makna	Muka surat	Baris
DHL	Dapat menghafal lirik lagu.	2	3

Melalui cara yang ditunjukkan pada Jadual 4, saya boleh merujuk balik sekiranya peserta mengulangi perkara yang sama, iaitu “dapat menghafal lirik lagu”. Saya dapat menganalisis persamaan dan perbezaan tiga orang peserta mengikut kriteria-kriteria tertentu. Dengan ini, saya boleh mengenal pasti sama ada tiga orang peserta dapat menghafal lirik lagu atau tidak. Jadual 5 menunjukkan cara saya menyusun data saya.

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Jadual 5.

Catatan Cara Menyusun Data Penguasaan Sifir Darab 6

	Kategori	Alvin	Ella	Ken
1	DHL	Dapat	Dapat	Dapat
2	KLC	Lancar	Lancar	Lancar
3	MNT	Minat	Minat	Minat

Berdasarkan Jadual 5, saya boleh menyimpulkan bahawa kaedah nyanyian telah membawa kesan positif dalam penguasaan sifir darab peserta kajian. Pola persamaan telah dikenal pasti berdasarkan Jadual 5, iaitu tiga orang peserta penyelidikan dapat menyanyikan lagu sifir darab 6 dengan lancar. Ken yang “lancar dan penuh keyakinan”, Ella “lancar dan tepat” dan Alvin “lancar dan lantang”. Mereka telah menunjukkan satu persamaan semasa menyanyikan lagu sifir darab 6, iaitu “lancar”.

Selain itu, saya telah menganalisis rakaman video yang diambil. Saya telah melabelkan video dengan mengikuti kategori sifir darab 6, 7 dan 8 selain meneliti rakaman video yang diambil selepas setiap slot. Antara contoh catatan hasil analisis rakaman video sifir darab 7 adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 6.

Jadual 6.

Contoh Catatan Hasil Analisis Rakaman Video Sifir Darab 7

Nama peserta	Kategori Video	Masalah	Rakaman	Masa (Minit dan saat)
Ken	Masalah kaedah nyanyian dalam sifri darab 7	Menggigit pensel semasa membuat lembaran kerja	14 April 2011 (Sifir 8)	Pada minit 0:15

Saya juga menganalisis kandungan catatan temu bual yang telah dijalankan dengan mengenal pasti perkara-perkara penting yang berkaitan dengan persoalan penyelidikan saya. Seterusnya saya telah mengkategorikan perkara tersebut supaya dapat menjadi bukti sokongan kepada data-data yang lain seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6.

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data


Saya	: Bagaimana Ella menyelesaikan soalan ini? (soalan sifir 6)	} Lagu sifir senang digunakan untuk menyelesaikan soalan pendaraban sifir 6
Ella	: Yang tu ah... <i>(fikir)</i> saya guna lagu sifir yang cikgu ajar.	
Saya	: Kenapa?	
Ella	: Lebih senang! Saya dah hafal lagu ni.	

Rajah 6. Contoh hasil analisis catatan temu bual dengan Ella pada 4 Mac 2011.

Rajah 6 menunjukkan penggunaan kaedah nyanyian sifir darab 6 membawa kesan positif terhadap Ella dalam menguasai sifir darab 6.

Pola persamaan yang dikenal pasti termasuklah pola menyanyi lagu sifir darab sambil menulis jawapan yang dinyanyi di tepi kiri lembaran kerja.

Rajah 7 menunjukkan persamaan pola menyanyi sambil menulis jawapan bagi tiga orang peserta untuk sifir darab 6.



Rajah 7. Pola bagi tiga orang peserta untuk sifir darab 6.

Analisis dilema telah dijalankan dengan menelitikan data-data yang diperoleh daripada catatan lapangan berasaskan lembaran kerja untuk mencari kes-kes yang mana sasaran kajian saya menghadapi dilema. Saya telah menjelajah dilema tersebut untuk memahami faktor-faktor yang menimbulkannya dan kesannya. Analisis ini dibuat melalui senarai semak pada Jadual 7.

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

Jadual 7.

Senarai Semak Analisis Lembaran Kerja Sifir Darab 7 Alvin (24 Mac 2011)

Peserta : Alvin			
Tarikh : 24 Mac 2011			
Sifir darab : 6, 7, 8			
Soalan	Betul	Salah	Catatan
1	√		Memberi jawapan secara spontan
2	√		Menyanyikan lagu sifir darab 7 untuk mencari jawapan.
3	√		Merujuk jawapan yang telah ditulis di kiri kertas.
4	√		Memberi jawapan secara spontan
5	√		Menyanyikan lagu sifir darab 7 untuk mencari jawapan.
6	√		Memberi jawapan secara spontan.
7		√	Berfikir selama 3 saat untuk mencari jawapan.
8	√		Merujuk jawapan yang telah ditulis di kiri kertas.
9	√		Memberi jawapan secara spontan
10	√		Menyanyi lagu sifir lagu darab 7 sebanyak dua kali.

Saya boleh melihat dengan jelas masalah murid saya, Alvin dalam ujian sifir darab 7 daripada Jadual 7. Saya telah mencatatkan soalan yang salah dan betul Alvin berdasarkan ujian yang telah dijalankan. Selepas itu, saya membuat catatan tentang kesilapannya. Dengan ini, saya boleh menganalisis masalahnya dan seterusnya mencari punca masalah. Analisis ini membolehkan saya mencatatkan kekerapan murid saya melakukan kesilapan. Bilangan kesilapan yang semakin berkurangan bermaksud mereka telah menguasai sifir darab.

REFLEKSI PEMBELAJARAN

Penilaian Teknik Menganalisis Data

Melalui teknik analisis kandungan, saya telah mendapati bahawa kita boleh menganalisis data dari pelbagai sumber untuk menyokong pendapat kita. Dalam penyelidikan tindakan ini, untuk membuktikan bahawa kaedah nyanyian berkesan dalam membantu murid Tahun Tiga menguasai sifir darab 6 hingga 8, saya telah menganalisis data melalui catatan pemerhatian, temu bual, lembaran kerja dan video. Teknik ini membolehkan saya menentukan kejutuan dan kekesahan keputusan saya.

Selain itu, teknik analisis pola juga membolehkan saya membuat perbandingan terhadap tahap pencapaian murid saya dalam menguasai sifir darab 6 hingga 8 dengan menggunakan kaedah nyanyian. Berdasarkan lembaran kerja murid-murid, saya dapat menganalisis pola persamaan dan perbezaan antara tiga orang peserta kajian. Dengan ini, saya dapat

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

mengategorikan peserta kajian mengikut tahap pencapaian mereka dan seterusnya memikirkan tindakan susulan untuk membantu mereka yang masih lemah. Saya mendapati bahawa sekiranya peserta saya menghadapi masalah yang sama dalam penggunaan kaedah nyanyian, maka saya perlu membuat refleksi terhadap kesesuaian kaedah ini.

Teknik analisis dilema pula membolehkan saya mengesan kesilapan peserta kajian saya. Ini telah memberi peluang kepada saya untuk mencari sebab peserta kajian melakukan kesilapan. Pengalaman ini telah menyedarkan saya bahawa sebagai seorang guru Matematik yang prihatin dan teliti, saya harus membetulkan kesilapan murid secara terus setelah mengesan kesilapannya. Dengan ini, murid berpeluang mengetahui kesilapan sendiri dan tidak akan mengulanginya pada masa yang akan datang. Kelemahan saya dalam menggunakan teknik ini ialah saya kurang dapat mengesan dilema yang berlaku dalam penyelidikan tindakan saya.

Pembelajaran Kendiri

Teknik analisis yang digunakan di dalam penyelidikan tindakan ini adalah berbeza dengan teknik biasa saya. Sebelum ini, saya beranggapan bahawa data hanya boleh dianalisis melalui nombor atau statistik. Penyelidikan tindakan ini telah memberi pengalaman baharu kepada saya terutamanya dalam aspek teknik menganalisis data. Saya telah menggunakan pelbagai teknik untuk menganalisis kesan penggunaan kaedah nyanyian dalam membantu murid Tahun Tiga menguasai sifir darab 6 hingga 8. Antara teknik tersebut ialah melalui pemerhatian, temu bual dan rakaman video. Lembaran kerja merupakan sumber yang membekalkan data statistik yang dapat menunjukkan tahap penguasaan murid saya tetapi ia tidak dapat membantu saya menganalisis secara keseluruhan perkembangan murid dari aspek lain. Murid yang mendapat markah tinggi dalam lembaran kerja tidak semestinya membawa maksud dia sudah berjaya menguasai sifir darab melalui kaedah nyanyian. Saya perlu menganalisis tahap penguasaannya dari segi “dapat menghafal lirik lagu” dan “dapat menyanyi dengan lancar” melalui pemerhatian, temu bual dan video yang dirakamkan.

Teknik-teknik menganalisis data secara tidak langsung juga meningkatkan ketelitian saya dalam menganalisis data. Semasa menggunakan teknik analisis pola, saya perlu mempunyai sikap berhati-hati untuk mencari persamaan dan perbezaan antara peserta kajian saya. Dengan ini, saya telah meneliti tingkah laku peserta kajian melalui tayangan semula rakaman video dan pemerhatian selain meneliti tahap pencapaian dan cara menjawab peserta kajian pada lembaran kerja. Saya mendapati bahawa Ken dan Alvin mempunyai persamaan iaitu kurang berminat dengan menggunakan lagu sifir darab 7 untuk menyelesaikan masalah. Ini

Goh Min Lee/ Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga: Refleksi pembelajaran penggunaan teknik menganalisis data

membolehkan saya membuat refleksi sendiri tentang penggunaan lagu sifir darab 7 dan mencari cara penambahbaikan untuk menyelesaikan masalah ini.

Cadangan Teknik untuk Kitaran Seterusnya

Saya akan terus menggunakan tiga teknik menganalisis data ini dalam penyelidikan tindakan yang seterusnya. Ini kerana saya berpendapat ketiga-tiga teknik ini adalah berguna dan mudah dipakai. Selain mengaplikasikan tiga teknik menganalisis data yang telah saya jelaskan, saya ingin mencuba teknik-teknik ini pada cara pengumpulan data yang lain selain cara pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja agar keputusan kajian aya adalah lebih jitu.

Selain itu, saya akan mengkaji lebih mendalam teknik analisis data jenis analisis dilem dan meneroka isu-isu yang berkaitan dengannya. Jadi, saya akan berusaha mencari maklumat lanjut tentang teknik ini selain meneroka dilema-dilema yang tidak pernah dikesan oleh saya sebelum ini.

RUJUKAN

- Cohen, D. & Crabtree B. (2006). *Qualitative Research Guidelines Project*. Diperoleh pada 20 Mac 2011 dari <http://www.qualres.org/HomeMemb-3696.html>
- Goh Min Lee. (2011a). *Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Perguruan (dengan Kepujian) yang belum diterbitkan. Kuching, Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Goh Min Lee. (2011b). Penggunaan kaedah nyanyian dalam penguasaan sifir darab 6 hingga 8 murid Tahun Tiga. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP amb. Januari 2008 (Matematik Pendidikan Rendah), Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011*, 251-267.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Matematik Tahun 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- McNiff, J. & Whitehead, J. (2001). *All you need to know about research*. California: Sage.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education* (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.